

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : LAWATAN YAB MENTERI BESAR KE LUAR NEGARA

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci lawatan YAB Menteri Besar ke luar negara.
- b) Nyatakan secara terperinci semua kos lawatan termasuk pegawai pengiring.

JAWAPAN:

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA PEJABAT MENTERI BESAR
SELANGOR**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : ANAK SYARIKAT MILIK PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI
SELANGOR (PKNS)**

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua anak syarikat milik PKNS dan fungsinya.
- b) Nyatakan jumlah pemberian PKNS kepada pendapatan negeri.

JAWAPAN:

- a) Senarai anak syarikat milik PKNS dan fungsinya adalah seperti berikut :

BIL.	NAMA SYARIKAT	AKTIVITI UTAMA
1.	Worldwide Holdings Berhad	Pemaju Hartanah & Pengurusan Alam Sekitar
2.	PKNS Engineering Construction Berhad	Kontraktor & Kejuruteraan
3.	Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd.	Kontraktor & Pembekal Bahan Binaan
4.	Selaman Sdn. Bhd.	Pemaju Hartanah
5.	PI Brilliant Berhad	Kontraktor Insfrastruktur & Kejuruteraan
6.	Selgate Corporation Sdn. Bhd.	Pengurusan Kesihatan & Pemegang Pelaburan
7.	De Palma Management Sevices Sdn. Bhd.	Pengurusan Rangkaian 3 Buah Hotel
8.	SACC Convec Sdn. Bhd.	Perkhidmatan Pengurusan Pusat Konvensyen
9.	Akademi PKNS Sdn. Bhd.	Pusat Latihan Kemahiran
10.	PKNS Real Estate Sdn. Bhd.	Pengurusan & Pelaburan Hartanah
11.	Datumcorp International Sdn. Bhd.	Pemaju Hartanah
12.	Kelana Property Development Sdn. Bhd.	Pemaju Hartanah

- b) PKNS telah memperuntukkan RM15.0 juta sebagai dividen yang akan dibayar kepada Kerajaan Negeri dalam tahun 2019. Sehingga 15 Julai 2019, PKNS telah membayar dividen sejumlah RM4.6 juta kepada Kerajaan Negeri

Selangor. Baki berjumlah RM10.4 juta akan dijelaskan sepanjang baki tahun 2019.

Selain daripada itu, PKNS turut menyumbang melalui Tabung Warisan sebanyak RM24.0 juta semenjak tahun 2013.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : BANGUNAN YAYASAN SELANGOR BUKIT BINTANG

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status bangunan tersebut?
- b) Nyatakan kos-kos yang dikeluarkan untuk menyelenggara bangunan tersebut dari 2017 hingga kini.

JAWAPAN:

- a) Pihak Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor pada 26 September 2018 telah bersetuju melantik pemaju untuk kerja-kerja menaik taraf bangunan. Pihak pemaju telah menghantar permohonan kelulusan Kebenaran Merancang daripada pihak berkuasa Tempatan (DBKL) pada 17 Julai 2019.
- b) Berikut adalah kos-kos yang dikeluarkan untuk menyelenggara bangunan tersebut dari tahun 2017 hingga kini.

Perkara	Tahun		
	2017 (RM)	2018 (RM)	Sehingga Jun 2019 (RM)
Perbelanjaan Utiliti	453,120	647,301	334,325
Penyelenggaraan Bangunan	93,781	96,549	161,600
Kawalan Keselamatan	101,088	107,228	54,490
Insurans	40,081	48,218	23,943
JUMLAH PERBELANJAAN	688,070	899,296	574,358

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN BANGUNAN KERAJAAN NEGERI (SUK)

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci kos penyelenggaraan bangunan SUK dari 2018 hingga kini.
- b) Senaraikan nama dan pemilik syarikat yang memperoleh kerja menyelenggara tersebut.

JAWAPAN:

a) dan b)

Kos penyelenggaraan Bangunan SUK secara Inden bagi Tahun 2018

BIL.	SYARIKAT	SENARAI KERJA	HARGA (RM)
1	JDC Trading	Kerja membaiki dan mengecat dinding lobi lif tingkat 21, 9 dan 7 dan lain-lain kerja berkaitan di Bangunan SSAAS Shah Alam.	18,515.00
2	Net Infra Sdn Bhd	Kerja menaik taraf dan mengganti baru kabel <i>fiber optic outdoor</i> pemasangan cat 6 sistem CCTV di Bangunan SSAAS.	19,981.00
3	Syarikat Banjarjaya	Kerja pembaikan dan perkhidmatan <i>sprinkler</i> dan <i>wet riser</i> tingkat 13 Bangunan SSAAS.	16,059.00
4	Intru Bina Enterprise	Kerja-kerja penyelenggaraan injap/ <i>valve</i> bagi sistem gong (<i>pre action fire sprinkler system</i>) untuk sistem pencegah kebakaran di tingkat bawah, Bangunan SSAAS.	19,716.00
5	Suria Semerah Enterprise	Kerja membaik pulih dan menukar baru paip buang (<i>drain pipe</i>) di bilik AHU PU7, Bangunan SSAAS, Shah Alam.	18,200.00

BIL.	SYARIKAT	SENARAI KERJA	HARGA (RM)
6	Zaharil Trading	Membekal dan memasang perkakas di kaunter pertanyaan Bangunan SSAAS	8,590.00
7	Md Azman Construction	Kerja membaiki pulih kerosakan tandas di tingkat LG 7 3 Podium Selatan dan tingkat 11 & 12, Menara Bangunan SSAAS.	18,398.00
8	De Era Maju Cipta Resources	Kerja penggantian paip bomba di tingkat 6 hingga 13, Bangunan SSAAS.	18,610.00
9	Warisan Afdhal Enterprise	Kerja membaiki pulih kerosakan tandas di tingkat 3 dan 5 (Podium Selatan, Bangunan SSAAS).	18,762.00
10	Usaha Jaya Elektrikal Services	Kerja memasang dan menaik taraf sistem pencegah kebakaran di Dewan Annex dan Bangunan SSAAS.	16,070.00
11	Team Force Engineering	Kerja membekal, memasang dan mengujilari sistem jockey pam di tingkat LG Bangunan SSAAS, Shah Alam.	13,341.16
12	Klang Valley Enterprise	Perkhidmatan membekal dan memasang bunga hiasan di pentas di Raja Bangunan SSAAS	2,400.00
13	Kompressor Resources	Kerja-kerja memasang pagar keselamatan sistem pencegah kebakaran pada injap paip di tingkat terbawah, Bangunan SSAAS.	16700
14	Barakah Elektrikal	Kerja tambahan dan pembaikan kecil sistem pembaikan kecil sistem elektrik dan menaiktaraf serta kerja-kerja yang berkaitan di Unit Pengurusan Bangunan,	18,260.00
15	Juru Ikhtisas Sdn Bhd	Pemeriksaan dan program semula semua sistem pintu keselamatan di beberapa pejabat bangunan SSAAS.	5,920.00
16	Titi Maju Sdn Bhd	Kerja -kerja <i>relocate</i> 10 channel master intercom lif di Bangunan SSAAS.	14,893.53
17	Suria Business Solution Sdn Bhd	Kerja pemeriksaan sistem PABX jenis Ericsson MX One TSW di Pejabat Suk Selangor.	3,869.00

BIL.	SYARIKAT	SENARAI KERJA	HARGA (RM)
18	Saad Maju Enterprise	Kerja pembaikan kecil dan menaiktaraf sistem elektrik di tingkat 12 dan 21 Bangunan SSAAS, lampu parking kereta DJP dan lampu di DNS.	18,846.00
19	Azaff Global	Kerja penukaran sistem pyrogen yang telah tamat tempoh serta kerja berkaitan di bilik kawalan tingkat LG, Bangunan SSAAS.	15,600.00
20	Fazda Cekap Enterprise	Kerja pembaikan kecil dan menyelenggara longkang di kawasan SUK serta lain-lain kerja yang berkaitan.	18,860.50
21	Sahabat Canggih Enterprise	Kerja pembaikan kecil di pejabat Sub Unit Kuarters tingkat 5 dan lain-lain kerja berkaitan di Bangunan SSAAS.	18,020.00
22	Pentas Wawasan Enterprise	Kerja mengalih dan menyelenggara 2 unit pam air domestik (Podium).	15,450.00
23	Future Cool Engineering	Kerja-kerja pembaikan alat penghawa dingin di Bangunan SSAAS, Dewan Negeri Selangor dan Bangunan Annex.	18,335.00
24	Ach Utama enterprise	Kerja membaiki kebocoran paip <i>wet riser</i> tingkat 6 hingga tingkat 10 di Bangunan SSAAS.	15,825.00
25	Tuah Kekal Holdings Sdn Bhd	Kerja pembaikan dan menaik taraf perkakasan elektrik Bangunan SSAAS, Shah Alam.	14,420.00
26	Iman Mutiara Services	Pembaikan semula sistem automatik bagi pintu gelongsor kaca (sliding door).	13,195.00
27	JMG Enterprise	Kerja membekal dan memasang permaidani serta lain-lain kerja yang berkaitan di Pejabat YBhg. TSUK Pembangunan Tingkat 13, Bangunan SSAAS.	19,700.00
28	Firaz Construction	Kerja membaikpulih dan naik taraf bilik Dato SUK tingkat 19, Bangunan SSAAS.	16,510.00

BIL.	SYARIKAT	SENARAI KERJA	HARGA (RM)
29	Wazam Ventures Sdn Bhd	Kerja penyelenggaraan janakuasa tunggu sedia jenama Cummins berkapasiti 500KVA di Bangunan SSAAS.	12,940.00
30	Erat Harmoni Sdn Bhd	Kerja membekal dan memasang kamera litar tertutup (CCTV) di Pejabat EXCO YB. Teng Chang Khim.	7,430.00
31	Man Usaha Enterprise	Kerja membaiki lantai jubin rosak di kaki lima dan lain-lain kerja berkaitan di Bangunan SSAAS.	18,998.00
32	Suria business Solutions Sdn Bhd	Pemeriksaan sistem PABX jenis Ericsson MX One TSW di Pejabat SUK Selangor	2,725.00
33	Mirage Contruction	Kerja pembaikan kecil pejabat Penasihat Undang-Undang Tingkat 4, Pejabat Exco Tingkat 2, Tingkat 8 dan 10 di Bangunan SSAAS.	17,991.00
34	Kilauan Sinar Enterprise	Kerja menyelenggara dan membaiki kerosakan kecil di tingkat 7,8,13 & Pejabat Suk Selangor.	17,740.00
35	Delima Suci Enterprise	Kerja pemangkasan pokok (<i>pollard</i>) dan pembersihan di Bangunan SSAAS.	19,250.00
36	Kudrat Jati Resources	Kerja pendawaian baru <i>remote push start/ stop button</i> untuk sistem <i>cooling tower</i> , Bangunan SSAAS.	17,934.00
37	Intru Bina Enterprise	Penggantian paip bocor dari tingkat 6 hingga tingkat 10 di Bangunan SSAAS	18,560.00
38	Sapruda Enterprise	Kerja membina pondok pengawal berukuran 8L x 8W di SUK Selangor.	15,645.00
39	Juru Ikhtisas Sdn Bhd	Kerja konfigurasi dan program semula sistem pintu keselamatan dan lif <i>Entry Pass Access</i> di Bangunan SSAAS dan Dewan Jubli Perak.	5,250.00
40	Sigma Elevator (M) Sdn Bhd	Membekal dan memasang hall indicator DHG-161	2,800.00

BIL.	SYARIKAT	SENARAI KERJA	HARGA (RM)
41	Puncak Kalam Enterprise	Kerja memasang kamera CCTV dan 'fiber media converter' di kawasan Bangunan SSAAS, kerja pembaikan lampu di Dewan Negeri Selangor dan di Bangunan SSAAS.	9,665.50
42	Intru Bina Enterprise	Kerja penggantian paip 'wet riser' dari tingkat 6 hingga 10 di Bangunan SSAAS.	18,560.00
43	Hasrul Elektrikal Niaga	Kerja penukaran baru 'radiator core' janakuasa tunggu sedia jenama Cummins model VTA171VC 500KVA di Bangunan SSAAS.	19,200.00
44	Mazlan Miskam Enterprise	Kerja penyelenggaraan kecil dan pembaikan 'cooling tower' di Dewan Annex, Bangunan SUK.	17,660.00
45	Kilauan Sinar Enterprise	Kerja pembaikan kecil di tingkat 7,8 dan 18 serta lain-lain kerja berkaitan di Pejabat SUK.	17,740.00
46	Kompressor Resources	Kerja penggantian paip 'wet riser' 4 dari tingkat G hingga 5 di tangga Podium Bangunan SSAAS.	19,274.80
47	Saza Solution Enterprise	Kerja penggantian 11000/110v voltage transformer, digital power meter dan minyak transformer.	12,440.00
48	Qasyina Enterprise	Kerja merentang kabel dari bilik pam ke bilik tangki Podium Utara.	4,420.00
49	Eddens Enterprise	Kerja pembaikan kecil di tingkat 20, 19, 18 dan Podium Utara, Pejabat SUK.	17,738.00
50	Kejuruteraan Bayu Emas	Kerja pembaikan alat penghawa dingin di Bangunan SSAAS, Dewan Negeri Selangor dan Bangunan Annex.	17,020.00
51	Seni Muafakat Enterprise	Kerja pembaikan <i>centrifugal water pump</i> di Bangunan Annex dan Bangunan SSAAS.	16,640.00
52	Hil's Enterprise	Kerja menyelenggara dan membaiki tandas awam lelaki/ perempuan di tingkat 5, 4 (Podium Selatan, Bangunan SSAAS).	18,970.00

BIL.	SYARIKAT	SENARAI KERJA	HARGA (RM)
53	Zafran Engineering	Kerja pembaikan dan servis ke atas 'water pump' podium No.2 di internal 'plant room' tingkat LG bagi sistem pendingin hawa berpusat di Bangunan SSAAS.	18,050.00
54	Safa Multi Resources	Membekal lampu dan peralatan telefon dan elektrik untuk kerja-kerja penyelenggaraan di Bangunan SSAAS.	15,540.00
55	Suria business Solutions Sdn Bhd	Pemeriksaan sistem PABX jenis Ericsson MX One TSW di Pejabat SUK Selangor.	1,950.00
56	Ochre Pest Control Sdn Bhd	Perkhidmatan bagi kawalan serangga bagi makhluk perosak di PTG dan Pejabat PUU.	2,600.00
57	SZ Daya Enterprise	Kerja menyelenggara dan membaiki dalam tandas awam lelaki dan perempuan di Podium Utara dan Podium Selatan, Bangunan SSAAS.	18,502.00
58	Berjaya Alam Enterprise	Sebut harga bagi kerja mencantas dan memotong pokok di kawasan parking motor, Bangunan SSAAS.	7,540.00
JUMLAH			843,819.49

Kos penyelenggaraan Bangunan SUK secara Sebut Harga bagi Tahun 2018

BIL. DAFTAR	SYARIKAT	NAMA PEMILIK	KERJA	HARGA (RM)
1	Yakin Engineering	Encik Mohd Mazlan bin Haron	Kerja mengindah dan mengecat baru kawasan pentas di Raja serta dataran utama Bangunan SSAAS	40,209.00

BIL. DAFTAR	SYARIKAT	NAMA PEMILIK	KERJA	HARGA (RM)
2	Future Cool Engineering	Encik Muhamad Nazir bin Mohd Sharip	Kerja menukar baru 3 <i>water cooled package unit</i> (WCPU) di Podium Utara Tingkat G, (Bahagian Korporat dan MTES), Podium Selatan. Tingkat G, (Pejabat Pengawal Keselamatan) dan Tingkat LG (Unit Khidmat Pelanggan) Bangunan SSAAS.	388,780.00
3	Arena Hakikat Sdn Bhd	Encik Mohamad Rafiz bin Mohamed	Kerja penambahan 150 talian telefon dan kerja menaik taraf sistem telefon PABX MD110 di Bangunan SSAAS.	149,415.00
4	RS Ventures Sdn Bhd	Encik Sansuri bin Abdul Aziz	Kerja menaik taraf 2 unit tandas (L) & (P) di tingkat 1 (Podium Utara), 4 unit tandas di tingkat LG (Podium Selatan) dan 9 unit tandas di tingkat 13, 16 dan 19 (Menara) Bangunan SSAAS.	386,860.00
5	Serum Niaga	Encik Zulkifli bin Desa	Kerja pengubahsuaian dan menaik taraf bilik pegawai khidmat pelanggan Bahagian Korporat di tingkat LG	57,046.20
6	AR Idaman Enterprise	Encik Ariff Iskandar bin Mazlan	Kerja menaik taraf dan pembaikan ruang pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.	220,222.60
7	NA Maju Jaya Enterprise	Encik Saiful	Kerja membekal, memasang dan mentauliah alat penghawa dingin jenis pisah di Bangunan SSAAS.	103,820.00
JUMLAH				1,346352.80

Kos penyelenggaraan Bangunan SUK secara Inden bagi tahun 2019 (Januari–Jun)

BIL.	SYARIKAT	KERJA	HARGA (RM)
1	SADZ Enterprise	Kerja menyelenggara dan pembaikan kecil tandas di tingkat 18, 17, 16 dan lain-lain kerja berkaitan.	18,470.00
2	Slumber One Services	Kerja-kerja pembaikan alat pendingin hawa jenis ' <i>cooling tower</i> ' di menara Tower Plant Room, Bangunan SSAAS.	18,620.00
3	Restu Dynamic	Kerja pembaikan ' <i>check valve</i> ' dan ' <i>gate valve</i> ' di bilik pam, Bangunan SSAAS.	12,200.00
4	Teratai Mahir Enterprise	Kerja penggantian baru <i>water pump</i> bagi janakuasa tunggu sedia No 1 500KVA jenama Cummins di Bangunan SSAAS	12,720.00
5	Barakah Electrical	Kerja pembaikan kecil dan menaik taraf sistem elektrik di Unit Pengurusan Bangunan SSAAS.	12,878.80
6	SZ Daya Enterprise	Kerja-kerja menyelenggara dan pembaikan paip air di belakang tandas lelaki dan perempuan tingkat 5, tkt G dan LG Podium Bangunan SSAAS	18,825.00
7	Mohris Engineering	Kerja membuka, mengalih panel sistem pencegah kebakaran dan melupuskan tong gas pemadam kebakaran di Bangunan SSAAS.	4,300.00
8	JMG Enterprise	Kerja pembaikan dan penyelenggaraan kecil di ruang pejabat Bahagian Khidmat Pengurusan.	15,902.00
9	Sempadan Bumi Resources	Kerja merentang kabel telefon dari riser telefon l/d db telefon dan menukar ganti lampu, soket alur keluar, membaiki sistem elektrik serta lampu di Bangunan SUK, Bangunan Annex dan DNS.	19,365.00

BIL.	SYARIKAT	KERJA	HARGA (RM)
10	Pembinaan Helmi Entprise	Kerja selenggara dan pembaikan kecil bilik mesyuarat tingkat 13, Bangunan SSAAS.	18,800.00
11	Iman Mutiara Services	Kerja membekal, memasang dan memeriksa sistem lampu neon di Bangunan SSAAS.	18,200.00
12	Puncak Gemilang Management And Trading	Perkhidmatan membekal dan menghantar dan memasang wallpaper bagi sebahagian ruang Pejabat Kamar Penasihat Undang-Undang.	4,550.00
13	Street Journey Enterprise	Kerja pembaikan tangki air pencegah kebakaran Annex dan mengecat panel tangki, paip dan dinding bilik.	10,436.00
14	Ame Jasa Ent	Perkhidmatan membekal peralatan elektrik untuk kegunaan Unit Pengurusan (Teknikal)	19,570.00
15	Perniagaan & Pembinaan Bumi Gemilang	Kerja selenggara dan membaiki kerosakan paip air hujan 6"cast iron di bahagian menara dan podium utara serta memasang jubin di ruang legar PTG, Bangunan SSAAS.	18,120.00
16	Salihien Rekabina	Kerja penyelenggaraan dan memperbaharui semula laluan imprint dan kerja yang berkaitan di Bangunan SSAAS.	19,617.60
17	Net Infra Sdn Bhd	Kerja membekal dan memasang switch untuk CCTV di Pos1 dan ' <i>termination fibre optic</i> ' di tiang no 4, 5, 6 dan 21	1,240.00
18	Suria Business Solution	Perkhidmatan ' <i>programming</i> ' dan ' <i>configuration</i> ' untuk sistem PABX Bangunan SSAAS.	3,500.00
19	Mirage Construction	Kerja pembaikan dan mengganti siling rosak di tingkat 5 JPS, Protokol, YB. Gana, PLHS, Sektoral, Audit, Tingkat 4 PUU, PTG, Tkt G PTG dan Tingkat 2 EXCO dan laluan koridor Podium Utara, Selatan Bgn. SSAAS	17,208.00

BIL.	SYARIKAT	KERJA	HARGA (RM)
20	Akubina Construction	Kerja menaik taraf bilik VVIP Dewan Jubli Perak Pejabat SUK Selangor.	15,950.00
21	Juru Ikhtisas	Perkhidmatan ' <i>programming</i> ' dan ' <i>configuration door access system</i> ' di Bangunan SSAAS.	8,240.00
22	Agenda Sepakat Enterprise	Kerja memasang sistem pencegah kebakaran jenis CO2 di bilik kebal pingat, Pejabat Penguatkuasa	17,000.00
23	Denai Niaga Enterprise	Kerja menyelenggara dan membaiki dalam tandas awam lelaki dan perempuan di Podium Utara.	18,587.00
24	Zigas Enterprise	Kerja membaik pulih dan menaik taraf bilik pegawai tingkat 21 (Bangunan SSAAS).	14,109.50
25	Naddan Pelangi	Kerja-kerja membuka, membekal dan memasang lampu limpah 300w di hadapan Bangunan SSAAS.	18,600.00
26	Mohris Engineering	Kerja mengganti injap pam pencegah kebakaran di bilik pam LG dan Tingkat 13	11,780.00
27	Kalam Sarjana Consultancy Services	Perkhidmatan membekal dan memasang baru ' <i>fiber optic</i> ' serta peralatan berkaitan.	16,366.00
28	Mahligai Nilam Sdn Bhd	Kerja penyelenggaraan janakuasa tunggu sedia jenama cummins dan Volvo Penta di Bangunan SSAAS, Annex dan DNS.	17,600.00
29	WTR Engineering Sdn Bhd	Kerja penyelenggaraan, memasang dan program semula power pack ncm di Bangunan SSAAS.	9,950.00
30	Kejuruteraan Letrik Safi Al-Nur	Kerja membuka, memasang, menukar ganti dan pendawaian semula bagi lampu ' <i>decorative</i> ' di Kompleks Ibu Kerajaan negeri Selangor.	19,840.00
31	Kejuruteraan Bayu Emas	Kerja membaik pulih pam menara no1 & 2 untuk sistem pendingin hawa berpusat di ' <i>internal plant room</i> '	19,380.00

BIL.	SYARIKAT	KERJA	HARGA (RM)
		tingkat LG, Bangunan SSAAS.	
JUMLAH			451,924.90

Kos penyelenggaraan Bangunan SUK secara Sebut Harga bagi tahun 2019 (Januari–Jun)

Bil.	SYARIKAT	NAMA PEMILIK	KERJA	HARGA (RM)
1	Future Cool Engineering	Encik Muhamad Nazir bin Mohd Sharif	Kerja-kerja menukar baru 2 Water Cooled Package Unit (WCPU) Di Podium Utara Tingkat 3 (Bahagian Strata PTGS) Dan Podium Selatan Tingkat 5 (LPHS) Bangunan SSAAS Shah Alam, Selangor	288,780.00
2	Cemara Jaya Services	Encik Abdul Aziz	Kerja pengubahsuaian ruang pejabat EXCO YB Tuan Mohd Khairuddin Bin Hj Othman Di Tingkat 5 Bangunan SSAAS	287,109.50
3	MSK Builder Holdings (M) Sdn Bhd	Mohd Zaki bin Mohd Saleh	Peruntukan bagi membekal, memasang, menguji serta mengujiterima pemasangan 4 unit lif penumpang termasuk lif VIP di bangunan SSAAS (Tuntutan terakhir no 10 termasuk VO Kemajuan No 2)	824,425.03
JUMLAH				1,400,314.53

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI-SUNGAI DI NEGERI SELANGOR

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan tahap pencemaran sungai-sungai di Negeri Selangor.
- b) Apakah langkah-langkah untuk membersihkan sungai-sungai yang tercemar di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah status kualiti air sungai-sungai utama di Selangor berdasarkan pemantauan kualiti air di Loji Pembersihan Air (LPA) oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd sehingga April 2019 :

NAMA SUNGAI	NAMA LPA	INDEKS KUALITI AIR (IKA)	KELAS
	Rasa	89.8	II
Sungai Selangor	Rantau Panjang	77.3	II
	SSP1	78.8	II
	SSP2	83.0	II
	SSP3	78.8	II
Sungai Bernam	Bernam River Headworks (BRH)	87.1	II
	Sungai Selisek	85.2	II
Sungai Langat	Sungai Langat	85.9	II
	Cheras Batu 11	80.3	II
	Bukit Tampoi	64.9	III
Sungai Semenyih	Sungai Semenyih	73.2	III

Berdasarkan bacaan IKA di LPA-LPA ini, berikut adalah purata kelas sungai-sungai utama :

- i. Sungai Selangor : 81.5 (Kelas II)
- ii. Sungai Bernam : 86.2 (Kelas II)
- iii. Sungai Langat : 77.0 (Kelas III)
- iv. Sungai Semenyih : 73.2 (Kelas III)

Status kualiti air sungai juga boleh dirujuk berdasarkan bacaan IKA di bawah Program Pemantauan oleh Jabatan Alam Sekitar Selangor.

Rujukan Kelas Sungai adalah seperti di Lampiran.

- b) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan semua 7 kawasan tadahan air empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 105 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan rizab sungai di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk kawalan dan melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya. Di samping itu, pihak Lembaga juga telah mengambil inisiatif melaksanakan Kajian Inventori Pemetaan dan Guna Tanah Aktiviti Di Rizab Sungai secara berfasa bagi tujuan mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang berisiko terhadap sumber air dan juga pelaksanaan penguatkuasaan bersepadu terhadap aktiviti yang tidak dibenarkan.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan perundangan yang diperuntukkan juga dilaksanakan secara holistik dalam penjagaan sumber air, antaranya :

- i. pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor),
- ii. pemberian Kebenaran Bertulis bagi Aktiviti Pengubahan Sumber, dan
- iii. pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air.

Dalam usaha menangani isu-isu pencemaran sumber air, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri,
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Alam Sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KESESAKAN LALULINTAS DI NEGERI SELANGOR

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jalan-jalan utama yang mengalami kesesakan lalu lintas di Negeri Selangor.
- b) Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk mengatasi kesesakan lalulintas tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jalan utama yang sesak dalam Kontinjen Selangor

Lebuhraya Dalam Selangor

BIL.	LEBUHRAYA	LOKASI
1.	Lebuhraya Persekutuan	Kedua-Dua Arah
2.	Lebuhraya Lembah Klang Baru (NKVE)	Kedua-Dua Arah
3.	Lebuhraya Damansara-Puchong	Arah Subang Jaya Ke Puchong
4.	Lebuhraya Elite	Putrajaya Ke Tol Ebor
5.	Lebuhraya Guthrie	
6.	Lebuhraya Lingkaran Tengah 2	Kedua-Dua Arah
7.	Lebuhraya Kemuning Shah Alam (LKSA)	Dari Plaza Tol Hingga Pusat Bandar Shah Alam

Jalan Utama

BIL.	DAERAH	LOKASI
1.	Shah Alam	- Jalan Kontraktor/ Glenmarie - Jalan Padang Jawa - Bulatan Sejahtera – Persiaran Tengku Ampuan
2.	Serdang	- Jalan Puchong Jaya
3.	Ampang	- Jalan Ampang
4.	Subang Jaya	- Persiaran Kewajipan Ke Bulatan Kewajipan

BIL.	DAERAH	LOKASI
5.	Gombak	- Jalan Kuching Ke Jalan Ipoh - Lebuhraya Lingkaran Tengah 2
6.	Klang Selatan	- Persiaran Tengku Ampuan Rahimah (Kedua-dua Arah)

Punca-punca kesesakan lalu lintas

1. Limpahan alira trafik dari kedua-dua arah semasa pergi dan balik kerja
2. 'Bottleneck'
3. Kedudukan lampu isyarat utama yang berdekatan antara satu sama lain
4. Jalan dalam pembaikan/ pembinaan
5. Kedudukan sekolah atau pusat komersial yang berdekatan dengan jalan utama/ lebuhraya
6. Sikap pemandu yang tidak mematuhi peraturan jalanraya seperti memandu melulu, menggunakan lorong kecemasan, memotong barisan dan sebagainya.

b) Langkah-langkah mengatasi kesesakan lalu lintas

1. Menempatkan anggota trafik di beberapa lokasi strategik bagi mengawal lalu lintas (point duty)
2. Rondaan anggota trafik bagi mengesan punca kesesakan mengejut (contoh: kenderaan rosak, kemalangan) dan membantu melancarkan aliran trafik
3. Membuka laluan kontra pada jalan yang sesuai seperti berikut:
 - i. Jalan Gasing ke Jalan Klang Lama (Petaling Jaya)
 - ii. Lebuhraya SILK ke SKVE (Kajang)
 - iii. Lebuhraya Damansara Puchong ke Sunway ke Petaling Jaya
 - iv. Lebuhraya KESAS arah Petaling Jaya ke Shah Alam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PELABURAN TEMPATAN

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah prestasi pelaburan tempatan di Selangor pada 2018-2019?
- b) Nyatakan bidang-bidang pelaburan yang diberi penumpuan.

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh 2018 hingga 2019, **316 projek perkilangan** telah diluluskan oleh MIDA di Selangor dengan jumlah modal pelaburan bernilai **RM20,468,971,066 (RM20.469 bilion)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **RM9,064,546,577 (RM9.064 bilion) atau (44%)** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM11,404,424,489 (RM11.404 bilion) atau (56%)** daripada modal pelaburan asing.

Tahun	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
2018	241	18,475	8,110,436,803	10,836,960,697	18,947,397,500
2019 (Jan - Mar)	75	3,819	954,109,774	567,463,792	1,521,573,566
Jumlah	316	22,294	9,064,546,577	11,404,424,489	20,468,971,066

- b) Projek perkilangan yang diluluskan di Selangor mengikut sektor - sektor industri yang melibatkan pelaburan tempatan seperti berikut;-

Industri	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Basic Metal Products	12	1,996	3,722,953,060	3,314,090,500	7,037,043,560
Rubber Products	10	3,479	1,303,784,414	31,675,975	1,335,460,389
Food Manufacturing	41	3,900	868,936,800	332,978,248	1,201,915,048
Fabricated Metal Products	32	1,712	631,246,059	58,944,144	690,190,203
Plastic Products	31	1,349	386,596,555	390,731,814	777,328,369

Industri	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Transport Equipment	29	968	376,468,554	100,719,873	477,188,427
Chemical & Chemical Products	33	981	318,602,627	134,192,441	452,795,068
Machinery Manufacturing	37	1,611	268,543,555	474,269,976	742,813,531
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	5	99	213,792,764	431,075,015	644,867,779
Paper, Printing & Publishing	17	2,564	213,572,120	4,995,921,526	5,209,493,646
Electronics & Electrical Products	24	1,311	209,385,590	293,347,417	502,733,007
Textiles & Textile Products	7	636	181,039,807	141,209,014	322,248,821
Non-Metallic Mineral Products	9	330	141,556,812	416,487,691	558,044,503
Scientific & Measuring Equipment	10	222	80,038,811	18,085,800	98,124,611
Furniture & Fixtures	8	588	46,423,802	99,998,446	146,422,248
Beverages & Tobacco	2	0	44,968,500	21,031,500	66,000,000
Wood & Wood Products	6	177	44,935,056	5,418,720	50,353,776
Miscellaneous	3	371	11,701,691	144,246,388	155,948,079
Jumlah	316	22,294	9,064,546,577	11,404,424,488	20,468,971,065

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PEMBASMIAN KEMISKINAN

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan hasil kajian *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan program usahawan bersama SITEC untuk tujuan perniagaan atas talian?

JAWAPAN:

- a) Sepertimana semua sedia maklum, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Program ini bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat/ individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan.

Pada tahun 2018, satu Kajian Penilaian Impak melibatkan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Dana Usahawan Mikro (DUMS), Program Pinjaman Mikrokredit Perniagaan Hijrah Selangor dan Penggerak Belia Tempatan dalam Pembangunan Generasi Muda Selangor (PeBT) telah dilaksanakan oleh Institut Darul Ehsan (IDE).

Bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, sejumlah 1171 penerima bantuan telah digunakan sebagai sampel di dalam kajian impak ini. Hasil dapatan kajian tersebut telah menunjukkan bahawa 87% iaitu seramai 1019 daripada 1171 orang penerima bantuan telah berjaya meningkatkan pendapatan selepas menerima bantuan mesin/ peralatan daripada Kerajaan Negeri. Manakala hanya 13% iaitu seramai 152 sahaja mencatatkan tiada peningkatan.

Merujuk kepada Laporan Akhir Kajian Penilaian Impak Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, majoriti responden dari kalangan penerima Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan iaitu 95% bersetuju bahawa bantuan mesin/ peralatan yang diterima telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan bulanan mereka.

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan ini, terbukti Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan telah memberikan impak yang positif kepada rakyat Selangor khususnya di dalam membasmi kemiskinan.

Namun yang demikian, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan tiada menjalinkan kerjasama bersama SITEC untuk tujuan perniagaan di atas talian pada masa kini. Ini kerana kebanyakan penerima-penerima adalah dari kalangan peniaga kecil/ penjaja yang masih tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk menjadi usahawan SITEC untuk tujuan perniagaan di atas talian. Antara syarat-syarat yang diperlukan adalah seperti berikut :-

- i. Perniagaan mestilah berdaftar dan perlu mengemukakan Borang 9, 24 dan 49 (Sdn. Bhd.) atau Borang D (Sendirian);
- ii. Perlu melampirkan penyata bank syarikat atau bank peribadi milik syarikat;
- iii. Mengemukakan bil utiliti seperti SYABAS atau TNB di premis sebagai bukti perniagaan dijalankan di dalam Negeri Selangor;
- iv. Memiliki produk yang telah sedia dan pengeluarannya berterusan untuk dijual secara atas talian; dan
- v. Pengeluaran produk mestilah stabil.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mengupayakan penerima-penerima Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan untuk diangkat ke satu peringkat yang lebih tinggi dengan menyediakan kursus-kursus peningkatan pengetahuan keusahawanan secara berfasa seperti pengurusan kewangan, kaedah pemasaran secara *online*, pensijilan, pembungkusan produk dan lain-lain di masa akan datang. Ini bagi memastikan mereka bersedia dan dapat memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk bergelar usahawan SITEC di atas talian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PELAJAR INPENS

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kemasukan pelajar ke INPENS dari 2016 hingga terkini mengikut kursus.
- b) Nyatakan jumlah pelajar INPENS yang berjaya selepas menamatkan pelajaran hasil dari program IKTISASS.
- c) Adakah ianya mampu menghasilkan usahawan atau hanya menjadi pekerja mahir sahaja?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah jumlah kemasukan pelajar ke INPENS dari 2016 hingga terkini mengikut kursus dan pembiayaan.

PROGRAM / TAHUN	2016					
	JUMLAH PELAJAR	JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR	JUMLAH PEMBIAYAAN UPEN (RM)	JENIS PEMBIAYAAN & JUMLAH PELAJAR		
				UPEN	LAIN-LAIN	SENDIRI
1. ELEKTRIK	187	779	3,650,629.54	58	70	59
2. AUTOMOTIF	150			48	97	5
3. PENYAMANAN UDARA	53			23	30	-
4. MOTOSIKAL	95			47	45	3
5. SISTEM KOMPUTER	58			38	19	1
6. ELEKTRONIK	20			-	17	3
7. PEMBUATAN PAKAIAN WANITA	135			70	60	5
8. KECANTIKAN	24			17	5	2
9. DANDANAN RAMBUT	19			19	-	-
10. PENYEDIAAN MAKANAN	19			19	-	-
11. PEMBUATAN PASTRI	19			18	-	1
12. PENYEMBURAN CAT	-			-	-	-
JUMLAH	779			357	343	79

PROGRAM / TAHUN	2017					
	JUMLAH PELAJAR	JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR	JUMLAH PEMBIAYAAN UPEN (RM)	JENIS PEMBIAYAAN & JUMLAH PELAJAR		
				UPEN	LAIN-LAIN	SENDIRI
1. ELEKTRIK	158	756	4,883,288.83	60	28	70
2. AUTOMOTIF	156			103	48	5
3. PENYAMANAN UDARA	57			26	22	9
4. MOTOSIKAL	79			53	22	4
5. SISTEM KOMPUTER	57			44	12	1
6. ELEKTRONIK	8			-	8	-
7. PEMBUATAN PAKAIAN WANITA	130			72	51	7
8. KECANTIKAN	22			15	5	2
9. DANDANAN RAMBUT	21			20	-	1
10. PENYEDIAAN MAKANAN	25			24	-	1
11. PEMBUATAN PASTRI	43			42	-	1
12. PENYEMBURAN CAT	-			-	-	-
JUMLAH	756			459	196	101

PROGRAM / TAHUN	2018						
	JUMLAH PELAJAR	JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR	JUMLAH PEMBIAYAAN UPEN (RM)	JENIS PEMBIAYAAN & JUMLAH PELAJAR			
				UPEN	IKTISASS	LAIN-LAIN	SENDIRI
1. ELEKTRIK	175	853	5,960,205.00	88	23	19	45
2. AUTOMOTIF	172			95	23	17	37
3. PENYAMANAN UDARA	67			38	4	10	15
4. MOTOSIKAL	52			27	-	15	10
5. SISTEM KOMPUTER	131			97	-	14	20
6. ELEKTRONIK	19			15	-	2	2
7. PEMBUATAN PAKAIAN WANITA	116			46	-	36	34
8. KECANTIKAN	25			20	-	-	5
9. DANDANAN RAMBUT	16			14	-	2	-
10. PENYEDIAAN MAKANAN	28			21	-	-	7
11. PEMBUATAN PASTRI	27			23	-	-	4
12. PENYEMBURAN CAT	25			22	-	1	2
JUMLAH	853			506	50	116	181

PROGRAM / TAHUN	2019				
	JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR	JUMLAH PEMBIAYAAN UPEN (RM)	JENIS PEMBIAYAAN & JUMLAH PELAJAR		
			IKTISASS	LAIN-LAIN	SENDIRI
1. ELEKTRIK	521		16	34	73
2. AUTOMOTIF			27	26	39
3. PENYAMANAN UDARA			6	12	13
4. MOTOSIKAL			1	18	19

PROGRAM / TAHUN	2019				
	JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR	JUMLAH PEMBIAYAAN UPEN (RM)	JENIS PEMBIAYAAN & JUMLAH PELAJAR		
			IKTISASS	LAIN-LAIN	SENDIRI
5. SISTEM KOMPUTER			4	11	40
6. ELEKTRONIK			4	4	5
7. PEMBUATAN PAKAIAN WANITA			7	38	39
8. KECANTIKAN			5	4	5
9. DANDANAN RAMBUT			-	2	2
10. PENYEDIAAN MAKANAN			4	3	14
11. PEMBUATAN PASTRI			9	7	16
12. PENYEMBURAN CAT			2	4	8
JUMLAH	521		85	163	273

- b) Untuk makluman, Program IKTISASS telah dilancarkan pada bulan Mac 2018, dan kumpulan pertama yang telah menerima pembiayaan daripada Program IKTISASS ini adalah seramai 51 orang pelajar dengan jumlah keseluruhan pembiayaan sebanyak RM555,540.

Masih terlalu awal untuk merumuskan kejayaan pelajar-pelajar ini kerana masih ada yang mengikuti sesi pengajian, menyambung pengajian dan sebahagiannya baru menamatkan sesi pengajian. Namun, berdasarkan statistik terdahulu, kebolehpasaran graduan INPENS adalah di dalam jangka masa anggaran 2 hingga ke 8 bulan. Berikut adalah ringkasan data pelajar yang ditaja melalui Program IKTISASS.

BIL	KURSUS	JUMLAH PELAJAR	JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM)	STATUS PELAJAR		
					TAMAT PENGAJIAN	BELUM TAMAT PENGAJIAN	SAMBUNG BELAJAR
1	Automotif Servis Selepas Jualan (Tahap 4)	7	51	555,540		7	
2	Automotif Servis Selepas Jualan (Tahap 3)	17			10		7
3	Pendawai Fasa Tiga Dengan Endorsan Pengujian (PW4)	12			11		1
4	Pendawai Fasa Tunggal Dengan Endorsan Pengujian (PW2)	11			6		5
5	Penyeliaan Pemasangan & Penyelenggaraan HVAC Penyaman Udara (Tahap 3)	4			4		
	JUMLAH	51			31	7	13

- c) INPENS merupakan sebuah institusi kemahiran yang menjalankan agenda Kerajaan Negeri dalam memastikan penghasilan tenaga kerja mahir untuk memenuhi keperluan industri di negeri Selangor khususnya dan di Malaysia amnya.

Sehubungan itu, penumpuan dan fokus terdahulu hanya tertumpu sepenuhnya kepada mencapai objektif tersebut. Namun, dengan perkembangan teknologi dan kebangkitan revolusi industri 4.0, halatuju INPENS difokuskan kepada penekanan bagi lima (5) bidang keutamaan iaitu Kejuruteraan Elektrik, Automotif, Penyamanan Udara, Motosikal dan Teknologi Maklumat dan Elektronik.

Strategi bagi pemfokusan 5 bidang ini adalah dengan memastikan program pengajian didorong industri (*Industry Driven*), di mana setiap bidang akan dihubungkan dengan pemain industri masing-masing bagi memastikan modul dan kurikulum TVET didorong industri. Model pengajian yang diprogramkan melalui sinergi industri ini adalah terarah kepada memastikan penempatan kerjaya kepada graduan setelah tamat pengajian dan mempersiapkan graduan bersifat *industry ready*. Graduan ini dipersiapkan dan dibentuk untuk memenuhi kehendak pemain industri di dalam pasaran dengan kualiti dan standard industri.

Untuk makluman, jaringan kolaborasi industri yang sedang dijalinan buat masa ini adalah bersama Hong Leong Yamaha Motor (Yamaha), Daikin, Perodua, Borgward dan New Hong Fatt (NHF).

Namun, bagi kursus-kursus seperti Tekstil dan Pakaian, Kecantikan dan Dandan Rambut serta Kulinari dan Pastrri, INPENS menyediakan platform keusahawanan bagi pelajar-pelajar sejak awal kemasukan ke INPENS bagi mempersiapkan mereka dengan realiti bidang keusahawanan. Ianya juga terbukti melalui alumni yang telah menceburi bidang keusahawanan dan berjaya, namun ianya memerlukan masa dan modal sebelum ianya dibuktikan. Justeru, usahawan-usahawan yang dilahirkan dari INPENS adalah daripada graduan-graduan terdahulu yang telah mempunyai pengalaman bekerja di industri sebagai pekerja mahir sebelum sedia menjadi usahawan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : HASIL TANAMAN

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Hasil tanaman merosot, nyatakan kaedah atau pelan tindakan untuk meningkatkan hasil tanaman petani seperti kelapa sawit, padi dan kelapa.
- b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai kajian mengenai hasil tanaman merosot? Jika ada nyatakan hasil kajian tersebut.

JAWAPAN:

- a) Tanaman kelapa sawit dan kelapa tidak mempunyai kemerosotan hasil yang ketara walaupun terdapat serangan perosak seperti red palm weevil (RPW). Walau bagaimanapun, hasil padi mengalami kemerosotan disebabkan oleh serangan penyakit seperti hawar daun bakteria (BLB) dan hawar bulir bakteria (BPB). Kerajaan Negeri telah menjalankan program kempen penggunaan benih padi sah, program rawatan tanah menggunakan mikrob dan pengapuran, pengurusan perosak bersepadu, amalan pertanian baik, bancia perosak tanaman padi dan aktiviti-aktiviti pengembangan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.
- b) Kajian mengenai hasil tanaman merosot dilaksanakan oleh Bahagian Biosekuriti Tanaman, Jabatan Pertanian dengan kerjasama MARDI. Kajian ini masih berjalan bagi mengenalpasti dan membendung penyakit serta perosak padi yang mengancam hasil serta pendapatan petani.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : MENANGANI KENAIKAN KOS SARA HIDUP

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif baharu Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat Selangor menghadapi isu kenaikan kos sara hidup?
- b) Apakah usahasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi menangani masalah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Selain daripada program Kasih Ibu Smart Selangor yang telah diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2019 dengan sedikit proses penjajaran, Kerajaan Negeri sejak akhir tahun 2018 telahpun memulakan projek rintis *Work From Home* (Bekerja dari rumah) bagi membantu golongan wanita dari keluarga miskin dan B40 meningkatkan pendapatan mereka. Untuk tahun 2019, projek ini diteruskan lagi dengan penglibatan 3 syarikat perniagaan yang bukan sahaja menawarkan latihan kemahiran kepada para peserta, malah juga turut bertanggungjawab untuk memasarkan produk yang telah dihasilkan oleh para peserta sekurang-kurangnya selama 6 bulan, sebelum peserta boleh berdikari.
- b) Buat masa ini pihak Kerajaan Negeri masih lagi dalam siri-siri perbincangan bersama pihak Kerajaan Persekutuan dalam memutuskan beberapa langkah bersepadu yang boleh dilaksanakan bagi mengurangkan kos sara hidup di kalangan rakyat B40. Buat masa ini, pihak Kerajaan Negeri sememangnya aktif dalam menjalankan siri jelajah penerangan inisiatif dan bantuan yang disediakan di peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan contohnya Siri Jelajah Karnival 3W yang diadakan di 12 PBT telah disertai lebih daripada 20 agensi kerajaan yang memberi penerangan produk-produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh mereka termasuklah Peka B40, I-suri, Asuh Pintar, Bantuan Sihat Selangor, Bantuan Anis dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : INSTITUT DARUL EHSAN (IDE)

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua kajian yang telah dilakukan oleh IDE dari 2015-2016.
- b) Berapakah jumlah peruntukan atau geran tahunan yang diperuntukan untuk operasi IDE?
- c) Nyatakan jumlah keseluruhan kakitangan IDE.

JAWAPAN:

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA INSTITUT DARUL EHSAN (IDE)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah unit Rumah Selangorku terkini yang telah berjaya diserahkan kuncinya kepada pemohon.
- b) Senaraikan projek Rumah Selangorku yang bermasalah.
- c) Apakah pelan tindakan yang dilakukan untuk menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Rumah Selangorku hanya mula diperkenalkan pada tahun 2014. Sepanjang tempoh 2014 hingga 30 Jun 2019, sebanyak **10,168 unit dengan 31 projek unit** Rumah Selangorku telah siap dibina dan telah diserahkan kunci. Sehingga penghujung tahun 2019, Kerajaan Negeri menjangkakan penambahan sebanyak **6,310 unit (14 projek)** lagi dapat disiapkan dan diserahkan kunci kepada pemilik yang berjaya.
- b) Kerajaan Negeri telah mengenal pasti sebanyak **6 projek dengan 3,938 unit** Rumah Selangorku yang dilaporkan mengalami kelewatan pembinaan dan senarai projek tersebut adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Projek	Unit	Isu & Permasalahan
1	Rumah Selangorku Setia Eco Templer	900	Pemaju menghadapi masalah mendapan tanah di tapak.
2	Symphony Park Cyberjaya	850	Pemaju didapati tidak mematuhi syarat kelulusan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan kini tidak berdaya meneruskan projek. Pemaju kini dalam proses menjual projek kepada pemaju yang berminat meneruskan projek.
3	Rumah Selangorku Taman Sg Yu	499	Pemaju dalam proses perbincangan bersama pihak SYABAS bagi menyelesaikan isu ketidakpatuhan spesifikasi infrastruktur yang telah disiapkan di tapak.

Bil	Nama Projek	Unit	Isu & Permasalahan
4	Rumah Selangorku Saujana Aman	315	Isu kecurian peralatan TNB di tapak menyebabkan pemaju terpaksa menangguhkan tarikh penyerahan kunci.
5	Rumah Selangorku Bandar Saujana Putra	1,312	Pemaju mengalami masalah aliran tunai dan kini dalam perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri untuk menyusun semula fasa pembinaan milik mereka di Negeri Selangor.
6	Rumah Selangorku Bandar Glenmarie	332	Sebahagian tapak projek milik pemaju terlibat dengan penjajaran laluan LRT yang menyebabkan perancangan semula komponen kediaman termasuk unit Rumah Selangorku
Jumlah		3,938	

- c) Sebagai langkah pencegahan untuk memastikan pembinaan Rumah Selangorku berjalan mengikut jadual yang telah ditetapkan, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan Rumah Selangorku yang mana fungsinya adalah seperti berikut :-
- i. Melaporkan status pembangunan Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) daripada tahun 2014 sehingga kini khususnya yang masih belum mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang di PBT.
 - ii. Mengenalpasti isu-isu berbangkit yang mengakibatkan pemaju masih gagal mengemukakan pelan Kebenaran Merancang.
 - iii. Menyelaras dan memudahcara proses-proses kelulusan Rumah Selangorku di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi.
 - iv. Mengadakan lawatan tapak secara berkala dan melaporkan kepada Jawatankuasa.
 - v. Memohon pemaju untuk mengemukakan Jadual Kemajuan Kerja di tapak setiap 3 bulan sekali.

- vi. Mengesyorkan arahan pembekuan atau '*Stop Work Order*' bagi pembangunan berkaitan sebelum diangkat untuk persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PENCEMARAN BAHAN TOKSIK

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah proaktif Kerajaan Negeri supaya kejadian pencemaran bahan toksik seperti berlaku di Pasir Gudang tidak berlaku di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan semua 7 kawasan tadahan air empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 105 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan rizab sungai di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk kawalan dan melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya. Di samping itu, pihak Lembaga juga telah mengambil inisiatif melaksanakan Kajian Inventori Pemetaan dan Guna Tanah Aktiviti Di Rizab Sungai bagi tujuan mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang berisiko terhadap sumber air dan juga pelaksanaan penguatkuasaan bersepadu terhadap aktiviti yang tidak dibenarkan.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan bersepadu dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

Maklumat tambahan

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri,
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : SELANGOR SEBAGAI DESTINASI PELANCONG

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pelancong yang melancong ke Negeri Selangor sejak 2017- Jun 2019?
- b) Berapakah pecahan kehadiran pelancong ke Negeri Selangor mengikut daerah?
- c) Apakah langkah proaktif Kerajaan Negeri untuk menarik lebih ramai pelancong khususnya pelancong luar negara ke Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jumlah Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor bagi Tahun 2017 - 2018 adalah seperti berikut :

TAHUN	JENIS PELANCONG		JUMLAH	% (+,-)
	ANTARABANGSA	DOMESTIK		
2018	3,219,368	4,015,068	7,234,113	-3%
2017	3,533,554	3,921,285	7,454,839	+2%
2016	3,262,654	4,018,366	7,281,020	+4%
2015	3,286,363	3,728,550	7,014,913	-

Untuk makluman, bagi tahun 2019 ini Laporan Statistik kedatangan Pelancong yang telah dikeluarkan adalah bagi tempoh Januari hingga Mac 2019 (Suku Tahun Pertama) 2019 kerana Pelaporan Statistik Kedatangan Pelancong bagi tempoh April hingga Jun (Suku Tahun Kedua) 2019 masih di dalam proses pengumpulan data dan Laporan akan dikeluarkan pada bulan Ogos 2019 ini.

Jumlah Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor bagi tempoh Januari hingga Mac (Suku Tahun Pertama) 2019 adalah seperti berikut :

SUKU TAHUN PERTAMA	JENIS PELANCONG		JUMLAH
	ANTARABANGSA	DOMESTIK	
2019	795,627	916,199	1,711,826

- b) Pecahan Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor mengikut daerah bagi Tahun 2018 dan Suku Tahun Pertama (Januari - Mac) 2019 adalah seperti berikut :

TAHUN 2018

DAERAH	JENIS PELANCONG		JUMLAH PELANCONG	% (+,-)
	DOMESTIK	ANTARABANGSA		
Petaling	2,293,337	2,234,664	4,528,001	63%
Selangor	638,060	538,924	1,176,984	16%
Hulu Langat	247,347	157,404	404,751	6%
Klang	241,828	146,703	388,531	5%
Gombak	221,928	125,450	347,378	5%
Kuala Selangor	70,036	3,630	73,666	1%
Kuala Langat	206,835	1,326	208,161	3%
Sabak Bernam	50,579	7,458	58,037	1%
Hulu Selangor	44,801	3,803	48,604	1%

SUKU TAHUN PERTAMA (JANUARI - MAC 2019)

DAERAH	JENIS PELANCONG		JUMLAH PELANCONG	% (+,-)
	DOMESTIK	ANTARABANGSA		
Petaling	491,754	490,583	982,337	57%
Selangor	143,407	166,779	310,186	18%
Hulu Langat	55,625	46,666	102,291	6%
Klang	81,037	44,721	125,758	7%
Gombak	62,067	38,936	101,003	6%
Kuala Selangor	15,281	2,928	18,209	1%

DAERAH	JENIS PELANCONG		JUMLAH PELANCONG	% (+,-)
	DOMESTIK	ANTARABANGSA		
Kuala Langat	38,831	2,714	41,545	2%
Sabak Bernam	20,901	1,842	22,743	1%
Hulu Selangor	7,296	458	7,754	0%

c) Antara langkah proaktif Kerajaan Negeri untuk menarik lebih ramai pelancong khususnya pelancong luar negara ke Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

1) Penyertaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor Bagi Siri Promosi Dalam dan Luar Negara

Melalui program ini setiap pengisian dan juga aktiviti-aktiviti mempromosikan produk-produk pelancongan telah disediakan bagi mewar-warkan potensi Negeri Selangor sebagai destinasi pilihan. Di antara pengisian yang dijalankan adalah seperti berikut:-

- i) Pelancaran Kempen Pelancongan
- ii) Pengenalan Produk-Produk Pelancongan Baru
- iii) Pengenalan Pakej-Pakej Pelancongan
- iv) Penyertaan Tourism Selangor di dalam program Business to Business (B to B) bersama penggiat industri

2) Program Siri Perbentangan Produk Pelancongan Negeri Selangor atau “Roadshow” kepada Penggiat Industri Luar Negara

Mengadakan Siri “Roadshow”/ Sesi Perbentangan Produk ke Negara-Negara yang mempunyai potensi yang tinggi di dalam menyumbang kedatangan pelancong ke Negeri Selangor. Di antara program siri promosi “Roadshow” yang telah dijalankan sehingga tahun 2019 adalah seperti berikut:

BIL	NEGARA PROGRAM DILAKSANAKAN	TARIKH PROGRAM DILAKSANAKAN
1.	Jepun	23 – 29 Jun 2019
2.	Jepun	18 – 24 Mac 2018
3.	Taiwan	5 – 8 Mei 2017
4.	India	25 Feb – 3 Mac 2016

Impak daripada Siri “Roadshow” ini adalah seperti berikut:-

- i) Menerima agensi pelancongan untuk mengadakan lawatan teknikal bagi mengalami dan melihat sendiri produk pelancongan yang terdapat di Negeri Selangor
- ii) Penghasilan Pakej-Pakej Pelancongan oleh agensi pelancongan luar negara
- iii) Hebahan media yang meluas dari hasil dari maklumat yang diterima sewaktu pelaksanaan Siri “Roadshow” ini.

3) Mempergiatkan Penyaluran Maklumat Produk Pelancongan Melalui Platform Media Sosial

Melancarkan platform penyaluran maklumat-maklumat di media sosial di dalam bahasa asal pasaran-pasaran pelancong yang berpotensi yang tinggi dalam meningkatkan kedatangan pelancong ke Negeri Selangor. Setakat ini, Tourism Selangor telah melancarkan *Facebook Page* Tourism Selangor di dalam beberapa bahasa seperti Bahasa Arab, Jepun dan juga Mandarin.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KEBENARAN PENGGUNAAN PREMIS MILIK KERAJAAN

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mempertimbangkan kebenaran kepada semua entiti termasuk parti politik pembangkang untuk menyewa premis milik kerajaan untuk meningkatkan pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tiada halangan bagi membenarkan penyewaan premis milik kerajaan kepada semua pihak termasuk parti pembangkang dengan syarat serta peraturan yang perlu dipatuhi iaitu tidak dibenarkan menjalankan program berkaitan politik seperti ceramah, kempen dan lain-lain

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah syarikat pelaburan asing yang melabur di Negeri Selangor sehingga Jun 2019?
- b) Berapakah nilai pelaburan yang telah berjaya dibawa untuk tahun ini?
- c) Berapa banyak peluang pekerjaan dapat dimanfaatkan dengan pelaburan yang diperolehi untuk rakyat Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh **Januari hingga Mac 2019**, sebanyak **75 projek perkilangan** telah diluluskan di Selangor oleh MIDA dengan jumlah pelaburan bernilai **RM1,521,573,566.00 (RM1.522 bilion)**

Daripada jumlah ini sebanyak **51 projek merupakan projek baru dengan nilai pelaburan bernilai RM1,126,208,695** dan sebanyak **24 merupakan projek pengembangan/ penambahan pelaburan dengan nilai pelaburan berjumlah RM395,364,871.00**

- b) Nilai pelaburan yang telah diluluskan di Negeri Selangor oleh MIDA bagi tempoh **Januari hingga Mac 2019** adalah sebanyak **RM1,521,573,566 (RM1.522 bilion)**.
- c) Hasil daripada projek-projek perkilangan tersebut, sebanyak **3,819 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan** di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PERMOHONAN RUMAH SELANGORKU

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik terkini permohonan Rumah Selangorku sehingga kini mengikut daerah.
- b) Berapakah jumlah permohonan Rumah Selangorku yang telah berjaya, tidak layak dan menunggu?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah permohonan Rumah Selangorku mengikut daerah sehingga 01 Julai 2019 adalah seramai 189,829 pemohon seperti berikut :

DAERAH	PERMOHONAN			
	A	B	C	D
PETALING	33,179	6,530	14,930	10,946
KLANG	20,240	1,468	6,206	7,619
HULU LANGAT	9,613	3,991	4,186	3,986
GOMBAK	10,476	1,094	4,782	3,715
SEPANG	4,129	3,693	4,661	2,638
HULU SELANGOR	3,401	247	279	1,235
KUALA SELANGOR	8,343	278	2,744	2,790
KUALA LANGAT	8,030	1,640	241	1,363
SABAK BERNAM	830	66	112	148
JUMLAH	98,241	19,007	38,141	34,440
KESELURUHAN	189,829			

- b) Jumlah permohonan Rumah Selangorku yang telah berjaya adalah seramai 24,243 pemohon (13%), jumlah pemohon yang tidak layak dan menolak tawaran adalah seramai 24,381 (13%) manakala jumlah pemohon dalam senarai menunggu adalah seramai 141,205 pemohon (74%).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PEKERJA ASING

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik jumlah pekerja asing di Selangor dari 2016-2018 mengikut negara.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengekang peningkatan jumlah pekerja asing di Selangor?

JAWAPAN:

JABATAN IMIGRESEN NEGERI SELANGOR

- a) Statistik jumlah pekerja asing di Selangor dari tahun 2016-2018 mengikut negara adalah seperti di **Lampiran 1-3**.

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR

- b)

LAMPIRAN 1

PERANGKAAAN PEKERJA ASING DI NEGERI SELANGOR MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN 2016

NO	BULAN	P/RUMAH	PEMBINAAN	PEMBUATAN	PERKHIDMATAN	PERKILANGAN	PERLADANGAN	PERTANIAN	JUMLAH
1	JANUARI	96	949	225	674	1351	169	178	3642
2	FEBRUARI	44	728	244	487	1296	370	445	3614
3	MAC	44	721	244	568	1389	402	280	3648
4	APRIL	28	341	53	200	556	19	80	1277
5	MEI	8	586	126	451	1000	117	232	2520
6	JUN	6	263	53	135	384	409	123	1373
7	JULAI	5	303	53	431	845	419	257	2313
8	OGOS	7	426	80	458	1571	517	99	3158
9	SEPTEMBER	9	573	47	726	2163	1069	228	4815
10	OKTOBER	21	536	23	778	1950	617	209	4134
11	NOVEMBER	7	650	21	790	718	1336	174	3696
12	DISEMBER	7	715	71	693	1542	388	111	3527
	JUMLAH	282	6791	1240	6391	14765	5832	2416	37717

** SUMBER JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI SELANGOR

LAMPIRAN 2

PERANGKAAAN PEKERJA ASING DI NEGERI SELANGOR MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN 2017

NO	BULAN	P/RUMAH	PEMBINAAN	PEMBUATAN	PERKHIDMATAN	PERKILANGAN	PERLADANGAN	PERTANIAN	JUMLAH
1	JANUARI	6	409	54	661	2848	1420	97	5495
2	FEBRUARI	13	460	32	898	2078	438	51	3970
3	MAC	12	836	23	791	2464	441	222	4789
4	APRIL	10	288	24	417	1641	427	120	2927
5	MEI	16	596	45	1029	3322	499	168	5675
6	JUN	6	639	27	981	2375	505	50	4583
7	JULAI	1	605	39	1355	3942	547	58	6547
8	OGOS	1	836	38	1251	4952	507	71	7656
9	SEPTEMBER	3	857	36	1460	5975	456	196	8983
10	OKTOBER	1	662	29	1868	4632	747	43	7982
11	NOVEMBER	3	852	86	1947	4223	314	82	7507
12	DISEMBER	3	939	105	2185	4466	324	85	8107
	JUMLAH	75	7979	538	14843	42918	6625	1243	74221

** SUMBER JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI SELANGOR

LAMPIRAN 3

PERANGKAAAN PEKERJA ASING DI NEGERI SELANGOR MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN 2018

NO	BULAN	P/RUMAH	PEMBINAAN	PEMBUATAN	PERKHIDMATAN	PERKILANGAN	PERLADANGAN	PERTANIAN	JUMLAH
1	JANUARI	1	1711	19	2970	6823	439	268	12231
2	FEBRUARI	6	947	25	2100	5033	648	62	8821
3	MAC	10	965	18	3148	4480	876	151	9648
4	APRIL	6	679	19	1677	2798	722	107	6008
5	MEI	7	751	14	1651	3328	783	74	6608
6	JUN	13	949	29	2707	4639	386	204	8927
7	JULAI	13	949	29	2707	4639	386	204	8927
8	OGOS	3	1391	27	2240	4327	515	112	8615
9	SEPTEMBER	0	1534	6	2255	3157	535	797	8284
10	OKTOBER	0	1494	120	2597	7013	861	112	12197
11	NOVEMBER	0	1597	0	2021	6882	197	74	10771
12	DISEMBER	0	1488	0	2690	6610	638	88	11514
	JUMLAH	59	14455	306	28763	59729	6986	2253	112551

** SUMBER JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI SELANGOR

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENCERAHAN SELANGOR

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pencerahan Selangor?
- b) Nyatakan kaedah yang digunakan untuk memastikan program ini berkesan di setiap daerah.

JAWAPAN:

- a) Status terkini pencerahan Selangor, sebanyak 29 judul telah selesai diterjemahkan manakala 10 judul lagi masih didalam proses penyediaan kandungan.

Fasa I - Projek 2016 – 2017 sejumlah 15 Judul selesai diterjemah dan diterbitkan

Bil	Tajuk	Penulis	Terjemahan oleh	Terjemahan daripada
1	Dari Pesantren Ke Istana: Biografi Presiden ke-4 Indonesia Kiai Haji Abdurrahman Wahid	Greg Barton	Al-Mustaqeem M Radhi	Abdurrahman Wahid: Muslim Democrat, Indonesian President
2	Abraham Lincoln: Tahun-Tahun Di Prairie	Carl Sandburg	Amin Ahmad	Abraham Lincoln "The Prairie Years"
3	Voltaire: Satu Karangan Tentang Toleransi	Voltaire	Ammar Gazali & Amin Zanudin	Traite sur la Tolerance
4	Dari Sultan Hingga Ataturk: Turki	Andrew Mango	Alina Abdullah	From the Sultan to Ataturk: Turkey
5	Anatomi Revolusi	Crane Brinton	Harison Sidek	The Anatomy of Revolution
6	Abraham Lincoln: Tahun-Tahun Perang	Carl Sandburg	Amin Ahmad	Abraham Lincoln 'The War Years'
7	Periklis: Athens & Kelahiran Demokrasi	Donald Kagan	Al-Mustaqeem M Radhi	Pericles of Athens and the Birth of Democracy
8	Imam Di Kota Paris: Kembara Seorang Imam Di Kota Paris	Rifa'a Al-Tahtawi	Sulhah Ramli	Takhlis al-Ibriz fi Talkhis Bariz
9	Keadilan Sebagai Kesaksamaan	John Rawls	Ammar Gazali	A Theory of Justice

Bil	Tajuk	Penulis	Terjemahan oleh	Terjemahan daripada
10	Wacana Tentang Kaedah Bagaimana Berfikir Dengan Baik Tentang Mencari Kebenaran Dalam Ilmu-Ilmu	Rene Descartes	Khalid Jaafar	Discourse on Method
11	Riwayat Politik Suharto	R.E. Elson	Sri Murniati, Al-Mustaqeem M Radhi	Suharto: A Political Biography
12	Huraian Al-Aqid Al-Nasafiyyah	Imam Sa'duddin Al-Taftazani (722-792H / 1322-1390M)	Mohamad Hilmi Marjunit / Anwar Yusof / Farhan Affandi	Al-Aqid Al-Nasafiyyah
13	Al-Mustasfa Intipati Ilmu Usul Fiqh	Imam Al-Ghazali (1058M - 1111M)	Muhamad Hakim Ramlee / Zahid M. Naser	Al-Mustasfa Fi Al-Ilmi Al-Usul
14	Tunas Pemodenan Politik Turki	Şerif Mardin	Sulhah Ramli	The Genesis of Young Ottoman Thought
15	Abraham Lincoln: Tahun-Tahun Akhir Perang	Carl Sandburg	Amin Ahmad	Abraham Lincoln "The War Years"

SIRI AGENDA PENCERAHAN SELANGOR
PROJEK PENTERJEMAHAN KARYA-KARYA AGUNG PERTAMA DI MALAYSIA

FASA PERTAMA TAHUN 2016-2017 (15 TAJUK)

<p>TAJUK TAHUN-TAHUN DI PRAIRIE ABRAHAM LINCOLN JILID 1</p> <p>PENULIS: CARL SANDBURG PENTERJEMAH: AMIN AHMAD</p> <p>RM45.00 RM79.42</p>	<p>TAJUK TAHUN-TAHUN DI PRAIRIE ABRAHAM LINCOLN JILID 2</p> <p>PENULIS: CARL SANDBURG PENTERJEMAH: AMIN AHMAD</p> <p>RM56.00 RM275.02</p>	<p>TAJUK TAHUN-TAHUN DI PRAIRIE ABRAHAM LINCOLN JILID 3</p> <p>PENULIS: CARL SANDBURG PENTERJEMAH: AMIN AHMAD</p> <p>RM58.00 RM275.02</p>	<p>TAJUK PERIKLIS ATHENS & KELAHIRAN DEMOKRASI</p> <p>PENULIS: DONALD KAGAN PENTERJEMAH: AL MUSTAQEEM M RADHI</p> <p>RM40.00 RM86.54</p>
<p>TAJUK DARI PESANTREN KE ISTANA</p> <p>PENULIS: GREG BARTON PENTERJEMAH: AL MUSTAQEEM M RADHI</p> <p>RM55.00 RM224.05</p>	<p>TAJUK TURKI <i>bagi la</i> Ataturk</p> <p>PENULIS: ANDREMI MANGO PENTERJEMAH: ALINA ABDULLAH</p> <p>RM29.00 RM81.51</p>	<p>TAJUK ANATOMI REVOLUSI</p> <p>PENULIS: CRANE BRINTON PENTERJEMAH: HARISON SIDEK</p> <p>RM45.00 RM212.90</p>	<p>TAJUK ANATOMI REVOLUSI</p> <p>PENULIS: CRANE BRINTON PENTERJEMAH: HARISON SIDEK</p> <p>RM45.00 RM212.90</p>
<p>TAJUK VOLTAIRE</p> <p>PENULIS: VOLTAIRE PENTERJEMAH: AMIN ZANUDDIN</p> <p>RM25.00 RM70.00</p>	<p>TAJUK KEADILAN SEBAGAI KESAKSAMAAN</p> <p>PENULIS: JOHN RAWLS PENTERJEMAH: JAMMAR GAZALI</p> <p>RM40.00 RM144.59</p>	<p>TAJUK KEADILAN SEBAGAI KESAKSAMAAN</p> <p>PENULIS: JOHN RAWLS PENTERJEMAH: JAMMAR GAZALI</p> <p>RM40.00 RM144.59</p>	<p>TAJUK HURAIAN AL-AQAID AL-NASAFIYYAH</p> <p>PENULIS: IMAM SA'DUDDIN AL-TAFTAZANI PENTERJEMAH: MOHAMAD HILMI MARJUNIT, ANWAR YUSOF, FARHAN AFFANDI</p> <p>RM35.00 RM122.05</p>
<p>TAJUK WACANA TENTANG KAEDAH</p> <p>PENULIS: RENE DESCARTES PENTERJEMAH: KHALID JAAFAR</p> <p>RM30.00 RM168.25</p>	<p>TAJUK TUNAS PEMODENAN POLITIK TURKI</p> <p>PENULIS: ŞERIF MARDIN PENTERJEMAH: SULHAH RAMLI</p> <p>RM50.00 RM105.94</p>	<p>TAJUK RIWAYAT POLITIK SUHARTO</p> <p>PENULIS: ROBERT EDWARD PENTERJEMAH: SRI MURNIATI</p> <p>RM55.00 RM168.51</p>	<p>TAJUK AL-MUSTASFA INTIPATI ILMU USUL FIQH</p> <p>PENULIS: GHAZALI PENTERJEMAH: MUHAMMAD HAKIM RAMLEE, ZAHID M NASER</p> <p>RM45.00 RM75.51</p>

Fasa II - Projek 2017 – 2018 sejumlah 14 Judul selesai diterjemah dan diterbitkan

Bil	Tajuk	Penulis	Terjemahan oleh	Terjemahan daripada
1	Islam Dalam Politik & Pendemokrasian di Indonesia	Robert W. Hefner	Al Mustaqeem M.Radhi	Civil Islam: Muslims and Democratization in Indonesia
2	Penyelamat Daripada Kesesatan	Imam Al-Ghazali	Anwar Yusof & Farhan Affandi	Al-Munqidz Min Al-Dhalal
3	Islam Di Nusantara: Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat	MartinVan Bruinessen	Al-Mustaqeem M. Radhi	Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat
4	Ciri Pemisah Antara Islam dan Zindik	Imam al-Ghazali	Farhan Affandi dan Anwar Yusof	Faysal al-Tafriqah Baina al-Islam wa al-Zandaqah
5	Zadig, Micromegas, Candide: Tiga Cerita Falsafah	Voltaire	Fatin Awanis Ahmad Tajuddin Sobri	Micromégas - Zadig - Candide
6	Perihal Kesederhanaan Dalam Beriktikad	Imam al-Ghazali	Mohamad Hilmi	Al-Iqtisad Fi Al-I'tiqad
7	Nekad: Potret Kehidupan Dato` Onn bin Jaafar	Pamela Ong Siew	Puspawati Rosman	One Man's Will: A Portrait of Dato' Sir Onn bin Ja'afar
8	Renungan Metafizik	René Descartes	Khalid Jaafar, Mohamad Hilmi Marjunit	Meditations on First Philosophy
9	Republik	Plato	Khairul Anam Che Mentri	The Republic Of Plato
10	Tata Dunia: Pertarungan Kuasa Sepanjang Sejarah	Henry Kissenger	Al-Mustaqeem M. Radhi, Ammar Gazali	World Order
11	Mencari Belerang Merah: Kisah Hidup Ibn Arabi	Claude Addas / Peter Kingsley	Eekmal Ahmad	Quest for the red Sulfur
12	Ladang Kebebasan: Pengalaman Amerika	James MacGregor Burns	Amin Ahmad, Puspa Rosman, Jabbar Salleh, Aedi Asri	The Vineyard of Liberty
13	Mandela: Jalan Berliku Menuju Kebebasan	Nelson Mandela	Alina Abdullah	Long Walk To Freedom
14	Einstein: Jagat Kehidupan Dan Pemikiran	Walter Isaacson	Al-Mustaqeem M. Radhi, Ashraf Khalid, Syed Omar Husain, Jabbar Salleh, Zahed M. Naser, Maisarah Atan	Einstein: His Life and Universe

FASA KEDUA TAHUN 2017-2018 (14 TAJUK)



Fasa III yang terkini bagi tahun 2019-2020 , sejumlah 10 judul – sedang dalam proses penyediaan untuk diterjemahkan.

Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor telah membina bagi pembangunan dan pengedaran buku audio. Sebanyak 37 buku audio dari karya agung terpilih telah berjaya diaudiokan dan boleh dilayari di www.nusantaraudiobooks.com

Senarai judul buku audio bagi projek tahun 2016 – telah selesai

Bil.	Judul	Penulis/ Penterjemah	Penerbit
1	Anatomi Revolusi (Siri Pencerahan Selangor)	Penterjemah: Harison Sidek	Awal Nahdah Resources
2	Dari Pesantren ke Istana	Penterjemah: Al-Mustaqeem M Radhi	Awal Nahdah Resources
3	Dari Sultan Hingga Ataturk: Turki	Penterjemah: Alina Abdullah	Awal Nahdah Resources
4	Habis Gelap Terbitlah Terang	R.A. Kartini	Balai Pustaka
5	Hikayat Abdullah – Jilid 1	Munshi Abdullah	Methodist Publishing House
6	Imam Di Kota Paris	Penterjemah: Sulhah Ramli	Awal Nahdah Resources

Bil.	Judul	Penulis/ Penterjemah	Penerbit
7	Langit Petang	A. Samad Said	Lejen Press Sdn Bhd
8	Ranjau Sepanjang Jalan	Shahnon Ahmad	Alaf 21 Sdn Bhd
9	Salina	A. Samad Said	Lejen Press Sdn Bhd
10	Saman	Ayu Utami	Gramedia
11	Satu Karangan Tentang Toleransi	Penterjemah: Ammar Gazali & Amin Zanudin	IBDE Ilham Sdn Bhd
12	Tarian Bumi	Oka Rusmini	Gramedia
13	Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck	Hamka	Balai Pustaka
14	The Province of Shariah Determined: Fundamental Rethink of the Shariah	Faiz Abdullah	Islamic Book Trust
15	Wacana Tentang Kaedah	Penterjemah: Khalid Jaafar	IBDE Ilham Sdn Bhd

Senarai judul buku audio bagi projek tahun 2018 - telah selesai

Bil.	Judul	Penulis/ Penterjemah	Penerbit
1	Islam Dalam Politik & Pendemokrasian di Indonesia	Penterjemah: Al-Mustaqeem M Radhi	IBDE Ilham Sdn Bhd
2	Nekad: Potret Kehidupan Dato' Sir Onn bin Jaafar	Pamela Siew Im Ong	IBDE Ilham Sdn Bhd
3	Tata Dunia: Pertarungan Kuasa Sepanjang Sejarah	Penterjemah: Al-Mustaqeem M. Radhi, Ammar Gazali	IBDE Ilham Sdn Bhd
4	Mencari Belerang Merah	Penterjemah: Eekmal Ahmad	
5	Long Walk to Freedom	Nelson Mandela	
6	No Harvest But A Thorn	Penterjemah: Adibah Amin	Oxford University Press
7	Hikayat Abdullah (Jilid 2)	Abdullah Munsyi	Methodist Publishing House
8	Sejarah Melayu	Tun Sri Lanang (Edisi selenggaraan W.G. Shellabear)	MPH
9	Mitos Pribumi Malas	Syed Hussein Al Attas	DBP
10	Hikayat Hang Tuah	Tun Sri Lanang	(Public domain)
11	Jangan Sentuh Aku (Judul asal: Noli Me Tangere)	Penterjemah: Ajikik (Penulis: Jose Rizal)	Institut Kajian Dasar
12	Bermaharajalelanya	Penterjemah:	Institut Kajian Dasar

Bil.	Judul	Penulis/ Penterjemah	Penerbit
	Keserakahan (Judul asal: El Filibusterismo)	Zubir Ismail (Penulis: Jose Rizal)	
13	Natrah: Cinta, Rusuhan, Air Mata	Fatini Yaacob	Penerbit UTM
14	My Name is Hasmah	Siti Hasmah Mohd Ali	Alaf 21
15	Aku	Chairil Anwar	Gramedia
16	Larung	Ayu Utami	Gramedia
17	Tempurung	Oka Rusmini	Gramedia
18	I, KKK	Khoo Kay Kim	Kala Publisher
19	Tunku: An Odyssey of A Life Well-Lived and Well-Loved	Kobkua Suwannathat Pian	UM Press
20	A Doctor in the House: The Memoirs of Tun Dr Mohamad	Che Det	MPH
21	Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources	Martin Lings	Inner Traditions
22	Kita Dengan Islam: Tumbuh Tiada Berbuah	Syed Hussein Al Attas	Pustaka Nasional

- b) Kesemua buku terjemahan telah diedarkan ke semua pusat perkhidmatan PPAS di seluruh negeri Selangor sebagai buku pinjaman perpustakaan.

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menggunakan platform Pesta Buku Selangor bagi memberi kesedaran mengenai buku-buku yang diterbitkan termasuk buku audio. Sesi bedah buku terjemahan dan buku audio secara langsung melalui FB Live diadakan setiap hari di Pesta Buku Selangor 2019.

Pada tahun ini juga, PPAS telah dijemput untuk menyertai Pavilion Selangor sebagai **Negeri Tamu dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur** pada **29 Mac hingga 7 April 2019**. Di pesta buku ini, di samping mempromosikan Selangor, PPAS juga mempromosi dan menjual buku-buku terjemahan dan buku audio.

PPAS juga telah menjual buku terjemahan Siri Pencerahan Selangor ke seluruh perpustakaan negeri di Malaysia melalui Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

PPAS juga turut mempromosikan dan menjual buku tersebut ke seluruh perpustakaan sama ada akademik, perpustakaan khas di bawah seliaan jabatan dan perpustakaan di bawah seliaan PBT.

PPAS turut mempromosikan buku-buku terjemahan karya antarabangsa ini di laman web PPAS di www.ppas.gov.my.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : GRADUAN UNISEL

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah graduan UNISEL dari 2016-2018 mengikut kursus yang diambil.
- b) Apakah pembaharuan Kerajaan Negeri untuk membantu graduan dari UNISEL?

JAWAPAN:

- a) Jumlah graduan UNISEL dari tahun 2016 sehingga tahun 2018 mengikut kursus yang diambil adalah seperti berikut:

Peringkat Kursus	2016	2017	2018
Pengajian Asas/ Foundation	173	255	323
Diploma	1,194	974	1,069
Ijazah Sarjana Muda	1,578	1,266	1,575
Sarjana / Master	35	18	23
Doktor Falsafah / Ph.D	16	22	13
JUMLAH	2,996	2,535	3,003

- b) Pelbagai pembaharuan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu graduan dari UNISEL antaranya adalah seperti berikut:

1. PROGRESS (SL1M)

Kerajaan Negeri mengumumkan pelaksanaan inisiatif siswazah khas dikenali sebagai **Graduate Employability Enhancement Programme for Smart Selangor (PROGRESS)** Batch 2 sebagai sebahagian daripada inisiatif "Merakyatkan Negeri Selangor" dan kempen "Smart Selangor". Objektif PROGRESS adalah meningkatkan kebolehpasaran graduan serta menyediakan peluang latihan kerja dengan syarikat terpilih.

2. Program Usahawan Siswazah PKNS (GROW)

Program Usahawan Siswazah merupakan satu inisiatif yang diwujudkan untuk membantu golongan siswazah yang berminat menceburi bidang keusahawanan. Program ini membantu para peserta dalam mengendalikan perniagaan dari peringkat awal sehingga berjaya. Pelbagai maklumat dan pengalaman yang berguna akan dikongsikan bersama

3. Program Modul Insan Belia Selangor 2016 dan 2017 (Pembangunan Kerjaya dan Keusahawanan)

Setahun 4 siri. 1 siri 40 peserta

4. Program Pembangunan Mahasiswa Finishing School 2017/2018

Untuk pelajar tahun akhir. Persiapan ke bidang pekerjaan.

5. Program Zero to Hero, Hijrah Selangor

Bantuan mikro kredit kepada siswazah yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan.

6. Karnival Jom Kerja Selangor

Pameran kerjaya dan temuduga kerja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : WASTE TO ENERGY

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan kerja-kerja pembangunan sistem dan rawatan sisa pepejal menyeluruh menggunakan sistem *waste to energy* di Jeram Kuala Selangor?
- b) Nyatakan pelaksanaan yang telah dilakukan bagi tujuan pemuliharaan alam sekitar ke atas bekas tapak pelupusan sisa pepejal di Selangor.

JAWAPAN:

- a) Seperti umum sedia maklum, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Darul Ehsan Ke 16/2016 yang diadakan pada 11 Mei 2016 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Darul Ehsan Ke 17/2016 pada 18 Mei 2016 telah menimbang dan bersetuju anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holdings Berhad (WHB) menerajui usaha untuk membangunkan dan melaksanakan *Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)* bersebelahan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram, Kuala Selangor yang mana ianya adalah satu sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal yang menyeluruh merangkumi fasiliti atau kemudahan Loji *Waste To Energy (WTE)*. Pada masa ini, pelaksanaannya masih lagi di dalam kerja-kerja pra-pembangunan yang kebanyakannya telah pun selesai. Kerja-kerja berkenaan termasuklah *Project Feasibility Study, Power System Study (PSS), Conceptual Design* serta pelantikan penasihat teknikal. Untuk kerja-kerja pra-pembangunan yang lain seperti Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), perolehan tanah untuk pelaksanaan projek dan perjanjian konsesi antara Kerajaan Negeri dengan WHB telah berada di peringkat akhir.
- b) Sebuah tapak pelupusan yang tidak ditutup dan diselenggara dengan selamat boleh mengakibatkan kebakaran, pencemaran udara dan pencemaran air yang boleh mencacatkan pemandangan di sesuatu kawasan. Bergantung kepada keadaan semasa tapak, antara kerja-kerja pemuliharaan dan penutupan selamat yang telah dilakukan termasuklah melaksanakan sistem penutupan kekal (*capping system*), membaikpulih dan pembentukan semula cerun, menyediakan sistem saluran tapak, menyediakan sistem pengumpulan air *leachate* dan gas tapak, serta melaksanakan kerja-kerja landskap dan penghijauan semula tapak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PERUMAHAN

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembinaan rumah idaman rakyat Selangor?

JAWAPAN:

- a) Rumah Idaman Rakyat Selangor kini di dalam proses untuk mendapatkan Kebenaran Merancang dari Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KE KERAJAAN NEGERI

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan lebih banyak peruntukan Kerajaan Persekutuan ke Selangor pada 2019?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri akan terus mengadakan perbincangan-perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan melalui forum dan Majlis-Majlis yang telah diwujudkan untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan kemajuan ekonomi, prasarana dan sosial di Negeri Selangor. Setakat ini, perbincangan bersama Kerajaan Persekutuan dalam hal berkenaan telah membolehkan Negeri Selangor mendapat perhatian sewajarnya daripada Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : BAS SMART SELANGOR

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat sebarang kajian untuk mengkaji keberkesanan perkhidmatan bas percuma kepada rakyat Selangor? Jika ada nyatakan.
- b) Berapakah jumlah kos selenggara Bas Smart Selangor mengikut PBT tahun ini?

JAWAPAN:

- a) Perkhidmatan bas percuma iaitu Bas Smart Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 sehingga kini mendapat sambutan yang amat menggalakkan berdasarkan peningkatan jumlah penumpang yang telah mencecah 37.2 juta (37,222,813) bagi tempoh 1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2019. Perkhidmatan ini telah memasuki tahun ke-empat pelaksanaannya, mempunyai 41 laluan dan 129 buah bas di sebelas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pada masa ini, hanya Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang telah melaksanakan kajian keberkesanan perkhidmatan bas iaitu "Kajian Kepuasan Pengguna dan Kemudahan Batuan Pertama dan Batuan Akhir Bas Smart Selangor Di Kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam". Kajian ini dapat mengenalpasti golongan pengguna Bas Smart Selangor di kawasan Shah Alam yang terdiri daripada 50 peratus pelajar, 38 peratus pekerja swasta dan selebihnya adalah pekerja kerajaan, suri rumah, bekerja sendiri dan penganggur. Oleh yang demikian, perkhidmatan bas ini sememangnya memberi kesan penjimatan kepada pengguna-pengguna khususnya dari golongan ini yang secara tidak langsung membantu meringankan beban kewangan mereka untuk menampung keperluan perbelanjaan harian bagi tujuan pengangkutan.

Selaras dengan itu juga, Kerajaan Negeri menggalakkan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk menjalankan kajian tersebut bagi laluan di kawasan masing-masing mengikut kemampuan kerana kos yang diperlukan untuk menjalankan kajian seumpamanya adalah tinggi. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan juga, jumlah peningkatan penumpang dari semasa ke semasa turut memberikan gambaran yang positif di dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam seperti bas berjaya dicapai.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, kos sewaan sebanyak RM800 sebuah bas sehari yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri adalah kos bagi urusan pentadbiran

seperti gaji pemandu dan sebagainya, manakala penyelenggaraan adalah dibawah urusan pengoperasian yang juga termasuk di dalam kos penyewaan tersebut dan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat operator bas yang dilantik untuk memberikan perkhidmatan Bas Smart Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KAWASAN EMPANGAN SIMPANAN AIR DI SELANGOR

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kawasan empangan air di Selangor diwartakan?
- b) Berapakah keluasan kawasan yang diwartakan empangan air di Semenyih?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telahpun mewartakan kesemua tujuh (7) kawasan empangan di Negeri Selangor sebagai kawasan Zon Perlindungan Kawasan Tadahan Air Empangan (KTAE) di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Keperincian senarai warta kawasan KTAE ini adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Keluasan kawasan yang diwartakan bagi Empangan Sungai Semenyih adalah seluas 5,692.45 hektar iaitu bagi keseluruhan kawasan zon perlindungan termasuk keluasan badan air empangan. Untuk keluasan kawasan badan air empangan sahaja melibatkan keluasan 300.73 hektar.

LAMPIRAN A

SENARAI EMPANGAN DI NEGERI SELANGOR : MAKLUMAT PEWARTAAN KAWASAN TADAHAN AIR EMPANGAN

BIL.	NAMA KAWASAN TADAHAN AIR EMPANGAN	NAMA WARTA SEBAGAI ZON PERLINDUNGAN	MUKIM	DAERAH	KELUASAN (HEKTAR)		WARTA JUPEM		WARTA NEGERI	
					ZON PERLINDUNGAN	BADAN AIR	TARIKH WARTA JUPEM	NO. WARTA JUPEM	TARIKH WARTA NEGERI	NO .WARTA NEGERI
1.	KTA Empangan Semenyih	Pelan Menunjukkan KTA Empangan Semenyih, Mukim Hulu Langat dan Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat	Hulu Langat & Semenyih	Hulu Langat	5,692.45	300.73	02.08.2010	PW 1559	2.12.2010	No. 3959
2.	KTA Empangan Sungai Selangor	Pelan Menunjukkan KTA Empangan Sungai Selangor, Mukim Peretak, Daerah Hulu Selangor	Peretak	Hulu Selangor	20,219.00	509.09	02.08.2010	PW 1558	2.12.2010	No. 3959
3.	KTA Empangan Langat	Pelan Menunjukkan KTA Empangan Langat, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Hulu Langat	Hulu Langat	3,905.81	201.01	02.08.2010	PW 1557	2.12.2010	No. 3959
4.	KTA Empangan Tasik Subang	Pelan Menunjukkan KTA Empangan Tasik Subang, Mukim Petaling, Mukim Jeram dan Mukim Ijok, Daerah Petaling dan Daerah Kuala Selangor	Petaling, Jeram & Ijok	Petaling & Kuala Selangor	1,080.83	81.02	02.08.2010	PW 1561	2.12.2010	No. 3959

BIL.	NAMA KAWASAN TADAHAN AIR EMPANGAN	NAMA WARTA SEBAGAI ZON PERLINDUNGAN	MUKIM	DAERAH	KELUASAN (HEKTAR)		WARTA JUPEM		WARTA NEGERI	
					ZON PERLINDUNGAN	BADAN AIR	TARIKH WARTA JUPEM	NO. WARTA JUPEM	TARIKH WARTA NEGERI	NO .WARTA NEGERI
5.	KTA Empangan Sungai Tinggi	Pelan Menunjukkan KTA Empangan Sungai Tinggi, Mukim Hulu Bernam dan Mukim Sungai Tinggi, Daerah Hulu Selangor	Hulu Bernam & Sungai Tinggi	Hulu Selangor	3,962.00	804.85	02.08.2010	PW 1560	2.12.2010	No. 3959
6.	KTA Empangan Klang Gates	Pelan Menunjukkan KTA Empangan Klang Gates, Mukim Setapak dan Mukim Ulu Klang, Daerah Gombak	Setapak & Ulu Klang	Gombak	7,560.00	202.59	17.7.2009	PW 1526	2.12.2010	No. 3959
7.	KTA Empangan Batu	Pelan Menunjukkan KTA Empangan Batu, Mukim Batu dan Mukim Setapak, Daerah Gombak	Batu & Setapak	Gombak	5,059.00	254.62	17.7.2009	PW 1527	2.12.2010	No. 3959

Tarikh Kemaskini Maklumat : 17 Julai 2019

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENCEMARAN DI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI SEMENYIH

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik terkini pencemaran air di loji rawatan di Semenyih.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengekang kekerapan berlakunya pencemaran dan penutupan loji air Semenyih?

JAWAPAN:

PENGURUSAN AIR SELANGOR BERHAD

- a) Secara keseluruhan statistik pencemaran air di loji rawatan di Semenyih akibat pencemaran sungai adalah sebanyak 11 kes dan dari kes-kes tersebut, terdapat 7 kes penutupan sementara loji dari tahun 2016-2019 di Sungai Semenyih.

JADUAL 1: Statistik Kes Pencemaran 2016-2019

TAHUN	JUMLAH KES PENCEMARAN SUNGAI SEMENYIH	JUMLAH PENUTUPAN SEMENTARA LOJI AIR
2016	6	6
2017	0	0
2018	2	0
2019 (Sehingga 30 Jun 2019)	3	1
JUMLAH KES	11 KES	7 KES

Berikut adalah butiran berkenaan kes-kes di Jadual 1:

TAHUN	BILANGAN KES	TARIKH	JENIS PENCEMARAN	PUNCA	GANGGUAN OPERASI
2016	6	22.9.2016	Bau	Tidak dapat dikesan	14 Jam
		23.9.2016	Bau	Tidak dapat dikesan	15 Jam

TAHUN	BILANGAN KES	TARIKH	JENIS PENCEMARAN	PUNCA	GANGGUAN OPERASI
		24.9.2016	Bau	Tidak dapat dikesan	8.75 Jam
		4.10.2016	Bau	Premis Batu 22 ¼, Jalan Sungai Lalang	14.5 Jam
		23.10.2016	Bau	Pembuangan Sisa Buangan Terjadual di CH45.9 Lebuhraya ELITE	30 Jam
		28.10.2016	Bau	Tidak dapat dikesan	11 Jam
2017	0	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
2018	2	14.1.2018	Minyak	Tumpahan Diesel di 80 meter dari Empangan Semenyih	Tiada
		5.11.2018	Minyak	Jentera korek jatuh ke Sungai Semenyih 2 km dari muka sauk	Tiada
2019	3	11.2.2019	Sisa Buangan Terjadual	Pembuangan haram tong drum di Jalan Sg Lalang	Tiada
		24.5.2019	Minyak	Lori membawa muatan Premix terjatuh ke Sungai Semenyih	Tiada
		26.6.2019	Bau	Buangan dari Ngo Chew Hong Fats & Oils (M) Sdn Bhd di sungai Rinching	14.25 Jam

Nota:

Kesemua kes di atas telah dimaklumkan secara bertulis kepada pihak berkuasa untuk tindakan lanjut

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

- b) Bagi mengekang kekerapan berlakunya pencemaran dan penutupan loji air Semenyih, beberapa tindakan dan inisiatif telah diambil oleh Kerajaan Negeri seperti berikut:
- i) Melaksanakan penyelarasan antara agensi dalam memastikan kawalan dan tindakan segera jika berlaku kecemasan pencemaran sumber air melalui Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi berdasarkan Manual Pelan Tindakan Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor;
 - ii) Menjalankan penyelarasan dan tindakan susulan bagi isu-isu pencemaran sumber air di lembangan sungai melalui dua (2) jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Mesyuarat Pasukan Petugas Lembangan Sungai Langat, Sungai Selangor dan Sungai Klang yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
 - iii) Melaksana dan mengemaskini serta tindakan bersepadu bagi inventori punca pencemaran di Sungai Semenyih berdasarkan kajian inventori guna tanah di rizab sungai yang telah dilaksanakan;
 - iv) Menguatkuasa dan menjalankan pemantauan kawalan pencemaran melalui Peraturan-Peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Selangor) 2013 dan Peraturan Kemasukan dan Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012;
 - v) Melaksanakan pembinaan stesen kuantiti dan kualiti sumber air secara telemetri di lembangan sungai bagi melengkapi rangkaian stesen sedia ada. Pada tahun 2018, pembangunan stesen telemetri LUAS di Sungai Langat telah siap sepenuhnya. Pihak LUAS juga akan bekerjasama dengan pihak Pengurusan Air Selangor bagi pemasangan stesen kualiti air telemetri di Sungai Semenyih sebagai pemantauan amaran awal pencemaran untuk mengelakkan henti tugas muka sauk;
 - vi) Menjalankan pemantauan statik dan pensampelan selama 24 jam di lokasi utama yang menyebabkan pencemaran. Sebagai contoh pemantauan pencemaran bau di Sungai Semenyih dan Sungai Buah;

- vii) Meningkatkan pengambilan dan kompetensi kakitangan penguatkuasaan bagi memperkasakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan LUAS; dan
- viii) Menjalankan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan mengoptimumkan pelaksanaan undang-undang dan arahan bagi memastikan sumber air terpelihara.